

Kenaikan pangkat di sektor awam

KUJ 2 AUG 1992

Jangan sekat wanita

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

KUALA LUMPUR, Selasa -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan ketua jabatan sektor awam jangan menyekat kenaikan pangkat kakitangan wanita yang berkecualan.

Menurutnya, ada kes dalam sektor awam yang wanita sepatutnya dinaikkan pangkat tidak dilayani.

Perdana Menteri berkata, jika keadaan ini berterusan, kakitangan lelaki perlu diorientasi semula supaya mengiktiraf keupayaan wanita dalam perkhidmatan awam.

"Golongan lelaki perlu mengakui bahawa dalam bidang pendidikan dan perniagaan, prestasi wanita kadangkala lebih tinggi daripada lelaki. Mereka harus iktiraf hakikat ini dengan memberi tempat yang sewajarnya kepada wanita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ucapannya di majlis sambutan Hari Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini. Turut hadir ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar.

Beliau berkata, hakikat bahawa wanita di negara ini tidak bersikap militan dalam perjuangan mereka tidak seharusnya dijadikan peluang bagi lelaki untuk mengambil kesempatan.

Dr Mahathir juga tidak mahu perjuangan wanita di negara ini menuntut taraf yang sama dalam masyarakat dengan lelaki meniru gaya perjuangan di Barat.

"Di Barat, perjuangan mereka keterlaluan sehingga merosakkan masyarakat, meruntuhkan

moral dan maruah masyarakat.

"Mereka tidak lagi patuh kepada suami dan cuba menghilangkan sifat fizikal kewanitaan dan institusi perkahwinan mereka runtuh," katanya.

Menurutnya, wanita negara ini terbabit secara langsung dengan pengekatan dan pemupukan nilai mulia yang menjadi sebahagian daripada ciri negara maju yang dihasratkan menerusi Wawasan 2020.

Dr Mahathir turut menyentuh masalah yang dihadapi wanita berumah tangga dan bekerja.

"Konflik mereka ialah di antara memelihara anak dan rumahtangga dan tarikan hekerja untuk menambah pendapatan.

"Mereka yang berkelulusan tinggi tetapi tidak bekerja selepas berumah tangga merugikan perbelanjaan berpuluh-puluh ribu ringgit untuk mendapat ilmu yang bukan saja berharga bagi diri mereka, tetapi diperlukan negara," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mencadangkan supaya tempat kerja mengadakan pusat jagaan kanak-kanak, manakala masyarakat sendiri menghidupkan semula tradisi tinggal bersama keluarga.

Beliau juga meminta pertubuhan wanita dan sukarela mengambili langkah perlu memastikan wanita yang bekerja di kilang tidak terjebak dalam kegiatan tidak diingini.

"Tanpa panduan dan penyeliaan mereka akan terjebak. Walaupun bilangannya tidak ramai pada masa kini, mereka perlu diberi perhatian supaya cara hidup segelintir daripada mereka tidak menjadi budaya baru bagi pekerja kilang," katanya.